

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL TIBI/KUSTA NEGERI  
JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU  
BIL. 1/2012**

Tarikh: **2 Mac 2012 (Rabu)**

Masa: **9.00 pagi**

Tempat: **Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 6  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu**

**KEHADIRAN:**

- |                                  |   |
|----------------------------------|---|
| 1. DR. Nordiah binti Haji Hassan | - PKN (Pengerusi)                             |
| 2. DR. Haji Mohd Ali bin Muda    | - TPKN (KA)                                   |
| 3. DR. Siti Hijriah binti Daud   | - Wakil TPKN (P)                              |
| 4. DR. Haji Azam bin Hassan      | - Wakil Pengarah, HSNZ.                       |
| 5. DR. Hassan bin Mashody        | - Pakar Perunding Perubatan Respiratori, HSNZ |
| 6. DR. Nora bt Abd. Rashid       | - Pegawai Kesihatan TB/Kusta (Setiausaha)     |

**TURUT HADIR:**

- |                             |                                    |
|-----------------------------|------------------------------------|
| 1. Dr. Haninah binti Yusoff | - Pegawai Perubatan Hospital Besut |
|-----------------------------|------------------------------------|

**TIDAK HADIR DENGAN SEBAB**

- |                                 |   |
|---------------------------------|---|
| 1. En. Mat Khatib bin Tahir     | - PPKPK PKD Kemaman (tugasan luar)          |
| 2. En. Raz Man bin Ali Hanafiah | - PPP Klinik Respiratori, HSNZ (cuti sakit) |

**URUS SETIA**

- |                           |                  |
|---------------------------|------------------|
| 1. Pn. Rosni binti M ali  | - KJK TB/Kusta   |
| 2. En. Muslim bin Mohamad | - PPKPK TB/Kusta |

Bil	Perkara	Tindakan									
1.0	<b>UCAPAN Pengerusi</b> Pengerusi mengucapkan salam kepada ahli yang hadir.										
1.1	<b>Kadar Insiden Penyakit TB Tahun 2012</b> Kadar insiden penyakit TB bagi tahun 2011 adalah menurun iaitu 67.98/100,000 penduduk pada tahun 2010 kepada 57.81/100,000 penduduk pada tahun 2011. Berdasarkan kajian yang dibuat didapati kadar pengesanan pesakit TB masih ditahap rendah.	PK TB/Kusta									
1.2	<b>Penubuhan PR1 di Klinik Kesihatan</b> Bermula pada tahun 2012, Pusat Rawatan 1 akan ditubuhkan di setiap klinik kesihatan yang mempunyai pakar perubatan Keluarga sebagaimana kehendak Program Kawalan TB Kebangsaan untuk mengintegrasikan Kawalan TB ke Kesihatan Primer.	PKD/FMS									
1.3	<b>Sambutan Hari TB Sedunia</b> 24 Mac 2012 merupakan Sambutan Hari TB Sedunia. Tema pada tahun ini ialah <i>On The Move Against Tuberculosis: Transforming the Fight Towards Elimination</i> . Pengerusi menyarankan setiap PTJ mengadakan beberapa aktiviti pendidikan kesihatan untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat dan anggota kesihatan mengenai kepentingan mendapatkan pemeriksaan dan rawatan awal.	PKD									
2.0	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</b> Minit Mesyuarat disahkan oleh Pn. Che Maznah binti Hassan dan disokong oleh Pn. Fauziah binti Daud dengan pindaan. <table data-bbox="391 1436 1182 1661" style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th data-bbox="391 1436 532 1467">Bil/Para</th> <th data-bbox="532 1436 1045 1467">Asal</th> <th data-bbox="1045 1436 1182 1467">Dipinda</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="391 1486 532 1518">Kehadiran</td> <td data-bbox="532 1486 1045 1556">Pn. Junaimi bt Muda <b><u>KJK U32</u></b></td> <td data-bbox="1045 1518 1182 1549"><b><i>PJK U42</i></b></td> </tr> <tr> <td data-bbox="391 1623 532 1654">4.1</td> <td data-bbox="532 1623 1045 1654"><b><u>DOT</u></b></td> <td data-bbox="1045 1623 1182 1654"><b><i>DOTS</i></b></td> </tr> </tbody> </table>		Bil/Para	Asal	Dipinda	Kehadiran	Pn. Junaimi bt Muda <b><u>KJK U32</u></b>	<b><i>PJK U42</i></b>	4.1	<b><u>DOT</u></b>	<b><i>DOTS</i></b>
Bil/Para	Asal	Dipinda									
Kehadiran	Pn. Junaimi bt Muda <b><u>KJK U32</u></b>	<b><i>PJK U42</i></b>									
4.1	<b><u>DOT</u></b>	<b><i>DOTS</i></b>									

Bil	Perkara	Tindakan
<b>3.0</b>	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>	
3.1	<p><b>Para 1.4 Bil. 1/2011 Kes Terhenti Rawatan</b></p> <p>Dua Kes terhenti rawatan di Kemaman. 1 kes melibatkan pelarian Myanmar. Kes ini telah kembali menyambung rawatn di KK Chukai dan hasilnya sempurna rawatan.</p> <p>Kes dari Chendor, Kuantan tak dapat dikesan kerana alamat dan nombor telefon yang diberi adalah salah.</p>	Makluman
3.2	<p><b>Para 1.5 Bil. 1/2011 Pelan Tindakan TB Kebangsaan (National Strategic Plan TB 2010 – 2015)</b></p> <p>PK AIDS dan Unit TB telah bekerjasama memberi kaunseling kepada pesakit TB/HIV mengikut garis panduan dan Pelan Tindakan TB Kebangsaan</p>	Makluman
3.3	<p><b>Para 1.6 Bil. 1/2011 Peratus Pemeriksaan Kahak Kes Bersimptomatik di UPL Rendah</b></p> <p>Peratus pemeriksaan kahak di UPL masih rendah iaitu 1.1% berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 10%.</p> <p>Pengerusi mengarahkan setiap anggota di UPL perlu membuat dua pemeriksaan tahap setiap hari dan mencatatkan ke dalam buku rekod kedatangan pesakit. PKD disarankan membeli nebolizer bagi membantu 'induce' kahak pesakit TB.</p>	PKD
<b>4.0</b>	<b>PERKARA-PERKARA DIBINCANGKAN</b>	
4.1	<p><b>Penyeliaan DOTS Kepada Pesakit TB</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jururawat Masyarakat di Klinik Desa dilantik sebagai penyelia DOTS kerana ahli keluarga tidak digalakkan untuk memberi ubat kepada pesakit ini.</li> <li>ii. Jururawat Masyarakat di Klinik Desa mesti bertanggungjawab dalam melaksanakan pemberian ubatan DOTS dengan betul agar rekod pesakit TB sama dengan stok ubatan yang ada.</li> <li>iii. Penyelia di Klinik Kesihatan berperanan untuk memantau Jururawat Masyarakat di kawasan masing-masing.</li> </ul>	<p>PKD</p> <p>PKD</p> <p>PKD</p>

Bil	Perkara		Tindakan
4.2	<p><b>Liputan BCG Tidak Mencapai Sasaran</b></p> <p>i. Pencapaian BCG secara keseluruhn adalah tinggi tetapi bagi daerah Marang dan Dungun masih tidak mencapai 100%.</p> <p>ii. Siasatan terperinci akan dijalankan oleh daerah berkenaan untuk memastikan punca ketidakcapaian peratusan tersebut di antaranya pengesanan terhadap kes cicir mendapat suntikan BCG.</p>		PKD Marang/ Dungun/ Penyelia Jururawat KA
<b>5.0 HAL-HAL LAIN</b>			
5.1	<p><b>Audit Kematian TB</b></p> <p>PKD Kemaman memaklumkan terdapat lima kes kematian yang tidak dapat diaudit kerana pesakit meninggal di Kuantan dan Pegawai Perubatan tidak dapat hadir semasa audit dijalankan.</p> <p>Pengerusi mencadangkan PKD Kemaman berbincang dengan PKD Kuantan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.</p>		PKD Kemaman
5.2	<p><b>Kes Berulang</b></p> <p>PK TB/Kusta memaklumkan sebanyak 33 kes berulang sepanjang tahun 2010. Pengerusi meminta perbincangan diadakan di antara pakar-pakar bagi menyediakan garis panduan untuk diguna pakai dalam kes-kes yang berulang.</p>		Pakar Respiratori
5.3	<p><b>Aktiviti Pemeriksaan Slaid</b></p> <p>Pencapaian 'EQA Blinded Rechecking' yang dilakukan di makmal menunjukkan separuh sahaja slaid yang berkualiti.</p> <p>Pengerusi minta Pengeloa TB Negeri membawa contoh-contoh slaid yang tidak berkualiti pada mesyuarat akan datang.</p>		Pengeloa Makmal TB

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tindakan</b>
<b>6.0</b>	<b>PENANGGUHAN MESYUARAT</b> Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.30 petang dan tarikh mesyuarat seterusnya akan diberitahu kelak.	

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat  
5 Mac 2012